

25 APR 2001

Muhyiddin-Umno

SISTEM PENCALONAN MINIMUM HARUS DIHAPUSKAN, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mencadangkan supaya sistem mendapatkan pencalonan minimum bagi pemilihan di peringkat bahagian dihapuskan bagi menangani gejala politik wang.

Sambil menegaskan bahawa ini adalah pendapat peribadi beliau, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu berkata beliau mendapat banyak laporan bahawa kecenderungan amalan politik wang berlaku disebabkan sistem pencalonan itu.

Beliau berpendapat jika seseorang itu mendapat pencalonan, dia sudah layak bertanding.

"Secara peribadi saya katakan kita baliklah ke cara asal. Siapa yang nak tanding dia boleh kawal diri walaupun dapat dua pencalonan. Jadi tak ada sebab orang lain nak sekat dia sebab dengan dua undi pun dia dah layak bertanding," katanya kepada pemberita di pejabatnya hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang mencadangkan supaya golongan terlalu kaya tidak akan dibenarkan bertanding merebut jawatan-jawatan penting di peringkat bahagian.

Perdana Menteri berkata langkah itu bertujuan membendung amalan politik wang dalam parti.

Muhyiddin juga berkata ada pihak yang menyalahgunakan kuasa dengan membatalkan mesyuarat cawangan kononnya atas sebab teknikal walaupun sebenarnya mereka harap dengan pembatalan mesyuarat itu pencabarnya tidak dapat bilangan yang cukup dan boleh menang tanpa bertanding.

"Ini semua amalan yang langsung tak sihat. Jadi mungkin Majlis Tertinggi (MT) perlu kaji supaya sistem pencalonan itu tak payah diadakan di peringkat bahagian," katanya.

Katanya, beliau juga mendapat maklumat bahawa berbagai-bagai taktik digunakan untuk menyekat seseorang itu bertanding.

"Dulu, kalau nak mesyuarat, semangatnya ingin bermesyuarat dan kita tak payah tengok sangat masalah teknikal. Asalkan mereka hadir dan cukup korum sudahlah.

"Tetapi sekarang ada kes walaupun mesyuarat cukup korum tetapi orang tak mencalonkan dia, maka dia cari jalan batalkan mesyuarat. Jadi timbullah ketegangan hingga ada mesyuarat yang terpaksa ditangguhkan," katanya.

-- BERNAMA

NZ AHH ZB